



**MAJLIS DAERAH BACHOK
BANDAR PELANCONGAN ISLAM**

IKLAN JAWATAN KOSONG

A. Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon jawatan di Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam, 16300 Bachok Kelantan sebagaimana berikut :

Jawatan : Pegawai Perancang Bandar dan Desa J41 (Kekosongan 1)

Klasifikasi : Perancang Bandar dan Desa

Kumpulan: Pengurusan dan Profesional

No.Fail : MDB 199/1/2017/1

• **Jadual Gaji:**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM2,529.00	RM9,643.00	RM225.00

SYARAT LANTIKAN :

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - Ijazah Sarjana Muda Perancang Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred J41 : RM2,529.00); atau
 - ijazah sarjana muda kepujian dalam geografi, ekonomi, sains sosial, antropologi atau perangkaan yang diiktiraf oleh Kerajaan **serta** ijazah sarjana atau diploma lepasan ijazah dalam bidang perancangan bandar

atau bidang-bidang lain berkaitan yang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji Permulaan pada Gred J41 : RM2,529.00); atau

- (iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam serta ijazah sarjana atau diploma lepasan ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji Permulaan pada Gred J41 : RM2,736.28); atau

- (iv) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina serta ijazah sarjana atau diploma lepas ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji Permulaan pada Gred J41 : RM2,943.84)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

Jawatan : Penolong Pegawai Penguatkuasa KP29 (Kekosongan 1)

Klasifikasi : Penguatkuasaan

Kumpulan : Pelaksana

No. Fail : MDB 199/1/2017/2

Jadual Gaji:

GAJI MINIMUM

GAJI MAKSIMUM

RM1,493.00

RM5,696.00

- Syarat Lantikan:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a. warganegara Malaysia;
- b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c.
 - i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29:RM1,493.00);atau
 - ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29:RM1,493.00);atau
 - iii. Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29:RM1,493.00);
 - iv. Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29:RM1,770.95).
 - v. Diploma dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29:RM1,846.15).
- d. dan mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pacaindera seperti yang berikut:
 - i. tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - ii. berat badan sekurang-kurangnya 48 kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

- iii. mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- iv. mempunyai sekurang-kurangnya 81sm ukuran dada yang biasa dan 86sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- v. lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- vi. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- vii. diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

- **Syarat Bahasa Melayu**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Jawatan : Pembantu Penguatkuasa KP19 (Kekosongan 3)

Klasifikasi : Penguatkuasaan

Kumpulan: Pelaksana

No. Fail : MDB 199/1/29/2017/3

Jadual Gaji:

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,360.00	RM4,052.00	RM100.00

- **Syarat Lantikan:**

- i. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a. warganegara Malaysia;
- b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c.
- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,360.00); atau
 - bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,360.00); atau
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,416.40); atau
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,472.80).
- dan
- d. mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
- tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;

- berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 - lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.
- ii. Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(c)(i), 1(c)(iii) atau 1(c)(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

Jawatan : Pemandu Kenderaan H11 (Kekosongan 1)

Klasifikasi : Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia

Kumpulan: Pelaksana

No. Fail : MDB 199/1/43/2017/4

Jadual Gaji:

GAJI MINIMUM RM1,218.00	GAJI MAKSIMUM RM2,939.00	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN RM80.00
----------------------------	-----------------------------	--

• **Syarat Lantikan:**

- i. warganegara Malaysia;
- ii. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - a. Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - b. lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
 - c. berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

Lesen D	RM 1,264.15
Lesen E/E1/E2	RM 1,310.30
Lesen F/H	RM 1,356.45

- iii. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

PEMBANTU AWAM

Jawatan : Pembantu Awam H11 (Kekosongan 2)

Klasifikasi : Perkhidmatan Kemahiran

Kumpulan: Pelaksana

No.Fail : MDB 199/1/2017/5

GAJI MINIMUM
RM1,218.00

GAJI MAKSIMUM
RM2,939.00

KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM80.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - a. Warganegara Malaysia:
 - b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ; dan
 - c. Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H11 : RM1,218.00)

SYARAT KELAYAKAN

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kejujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

CARA MEMOHON :

A. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang permohonan Jawatan MDB.1 berharga RM3.00 atau mengirim sampul beralamat sendiri berukuran 32 cm x 22 cm beserta wang pos bernilai RM3.00 di atas nama Yang DiPertua Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam serta setem ke alamat berikut atau boleh diperolehi di Jabatan Pentadbiran Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam, 16300 Bachok, Kelantan.

Permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM,
16300 BACHOK KELANTAN.**

Tarikh tutup permohonan: **18 Januari 2017**

Catatan Am:

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.